

06 MAR 1997

ABU ZAHAR UJANG DILANTIK PENERUSI RISDA

KUALA LUMPUR, 6 Mac (Bernama) -- Anggota Parlimen Kuala Pilah, Datuk Abu Zahar Ujang, dilantik sebagai penerus baru RISDA menggantikan Datuk Alias Ali yang tamat tempoh perkhidmatannya pada 24 Jan lepas.

Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa, berkata pelantikan Abu Zahar, yang juga Ketua Umno Bahagian Kuala Pilah, telah dipersetujui oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan berkuatkuasa mulai 28 Jan.

Dalam satu kenyataan hari ini, Annuar berkata beliau yakin Abu Zahar, yang mempunyai pengalaman luas dalam pentadbiran kerajaan, akan memantapkan lagi pengurusan dan pentadbiran RISDA yang kini dalam proses untuk diperbadankan.

Abu Zahar juga pernah berkhidmat sebagai seorang pegawai kanan polis.

Abu Zahar, yang merupakan lulusan undang-undang Lincoln Inn, London, kini turut menganggotai Jawatankuasa Induk Penggubalan Undang-Undang Sivill dan Syariah di bawah Jabatan Perdana Menteri (Pusat Islam).-- BERNAMA

WNZ OBA